

PERANAN DAN KESEDARAN MASYARAKAT DALAM MEMBENTUK KESATUAN UMMAH

Hanna Mursyida Binti Md Yusof

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: +6011-35894612 Email: mursyidayusof@gmail.com

Ain Nur Fatimah Binti Kamis

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: +6019-751 3225 Email: ain.nurfatihah2110@gmail.com

Noornajihan Jaafar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Tel: +6013-2570732 Email: noornajihan@usim.edu.my

ABSTRAK

Islam memperkenalkan konsep Kesatuan Ummah bagi membentuk konsep masyarakat sebagai satu jasad, dengan asas kedamaian dan keselamatan. Setiap anggotanya bergantung untuk mengukuhkan antara satu sama lain. Itulah kesatuan sosial yang perlu diamalkan oleh setiap Mukmin untuk mewujudkan sebuah masyarakat umat Islam yang kuat. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami konsep Kesatuan Ummah dalam kalangan Masyarakat dan mengenal pasti peranan mereka daripada peringkat individu mahupun secara masyarakat secara kolektif. Hal ini penting demi menjaga kesucian agama Islam dan memelihara kemaslahatan ummah daripada fahaman yang menyimpang daripada Al-Quran dan Sunnah. Pendekatan kualitatif dengan menganalisis bahan-bahan penulisan yang berkaitan dengan kesatuan ummah, seperti teks ceramah, laporan kajian lepas dan rujukan literatur yang relevan digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati masyarakat yang celik akan konsep kesatuan ummah sentiasa peka akan tanggungjawabnya untuk melakukan sesuatu yang dapat menyumbang terhadap matlamat murni ini. Tidak dapat dinafikan, peranan daripada pihak individu, institusi keluarga, institusi pendidikan serta institusi masjid juga amat memainkan peranan penting bagi memastikan hasrat ini tercapai. Apabila kesemua lapisan masyarakat ini mempunyai kesedaran dan berusaha untuk melaksanakan tanggungjawab daripada pihak masing-masing, tidak mustahil untuk kesatuan ummah yang diimpikan seperti zaman Rasulullah SAW dapat dicapai.

Kata kunci: Kesatuan Ummah, Masyarakat

1. Pengenalan

Kesatuan ummah adalah konsep asas, membayangkan masyarakat sebagai badan yang bersatu padu dan harmoni di mana setiap individu bekerjasama untuk kebaikan bersama. Dalam Ensiklopedia Islam dinyatakan bahawa perkataan "Ummah" pada asalnya bukan bahasa Arab. Dan menurut Montgomery Watt, perkataan "ummah" berasal dari bahasa Ibrani, yang boleh membawa maksud kumpulan etnik atau boleh juga bermaksud komuniti (Watt, 1968). Dalam Islam, prinsip ini sangat tertanam, dengan penekanan yang kuat terhadap keamanan, keselamatan, dan perpaduan sosial, melangkaui sempadan umur, bangsa dan agama. Walau bagaimanapun, terdapat jurang dalam pelaksanaan praktikal nilai-nilai ini, yang menghalang pembentukan masyarakat Islam yang kukuh dan bersatu. Oleh itu, bagi melahirkan masyarakat Islam yang kukuh, adalah penting untuk memahami konsep kesatuan ummah yang tepat. Tambahan pula kajian perlu dibuat bagi memahami konsep tersebut serta kepentingannya terhadap masyarakat muslim. Hal ini boleh diperoleh melalui tingkatan kesedaran dalam kalangan masyarakat, dan peranan setiap individu, keluarga, komuniti, dan sesebuah institusi. Hasilnya, pembentukan akhlak yang terpuji serta galakkan setiap orang dalam mengambil bahagian secara aktif dalam menunaikan tanggungjawab mereka kepada Tuhan dengan penuh amanah menurut Al-Quran dan As-Sunnah.

Dalam surah al-Maidah ayat 16 telah menjelaskan bahawa Al-Quran adalah petunjuk jalan keselamatan, firman-Nya:

يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

“Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus.”

Sebagaimana al-Quran merupakan penyelamat di dunia dalam membimbing manusia ke arah kecemerlangan hidup, di akhirat juga ia merupakan penyelamat kerana bersifat sebagai pemberi syafaat ke atas orang-orang yang membaca al-Quran sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Umamah al-Bahiliy R.A katanya:

Aku mendengar Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wassalam bersabda :

اقْرءُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ. اقْرءُوا الزَّهْرَاوَيْنِ الْبَقْرَةَ، وَسُورَةَ آلِ عِمْرَانَ، فَإِنَّهُمَا تَأْتِيَانِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ كَأَنْهُمَا غَمَامَتَانِ، أَوْ كَأَنْهُمَا عَيَاتَانِ، أَوْ كَأَنْهُمَا فِرْقَانِ مِنْ طَيْرٍ صَوَافٍ، تُحَاجَّانِ عَنْ أَصْحَابِهِمَا. اقْرءُوا سُورَةَ الْبَقْرَةَ، فَإِنَّ أَعْوَابَهَا بَرَكَةٌ، وَتَرْكُهَا حَسْرَةٌ، وَلَا تَسْتَطِيعُهَا الْبَطَلَةُ

“Bacalah al-Quran kerana sesungguhnya ia akan datang pada hari kiamat sebagai pemberi syafaat kepada para pembacanya. Bacalah al-Zahrawan iaitu al-Baqarah dan Surah Ali ‘Imran kerana kedua-duanya akan datang pada hari kiamat umpama dua kepulan awan, atau dua naungan, atau dua gerombolan burung yang melebarkan sayap, demi untuk membela para pembaca kedua-duanya. Bacalah Surah al-Baqarah kerana sesungguhnya pengambilannya adalah berkat dan peninggalannya adalah kekecewaan serta ahli sihir tidak mampu mengalahkannya.”

(HR Muslim No: 804)

2. Metodologi kajian

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif untuk mendapatkan pemahaman mendalam tentang peranan dan kesedaran masyarakat dalam membentuk kesatuan ummah. Kajian kes digunakan untuk menganalisis secara mendalam inisiatif yang dapat dilakukan dalam membentuk kesatuan ummah. Kajian kes ini membolehkan penyelidik memahami bagaimana sesebuah masyarakat yang memainkan peranan dan menyedari pentingnya kesatuan ummah, serta bagaimana kesedaran ini memberi impak kepada kesatuan dalam masyarakat. Pengumpulan data dilakukan melalui analisis dokumen yang melibatkan kesatuan ummah. Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis bahan-bahan yang berkaitan dengan kesatuan ummah, seperti dokumen-dokumen komuniti, teks ceramah, dan laporan kajian yang lepas. Analisis kandungan membantu mengenal pasti dan menilai peranan dan kesedaran masyarakat dalam memahami dan membentuk kesatuan ummah. Melalui analisis ini, pengkaji dapat memahami bagaimana kesedaran masyarakat tentang nilai-nilai Islam dan ajaran al-Quran yang diintegrasikan, dapat membuahkan masyarakat yang aktif bergerak melaksanakan misinya untuk menyatukan ummah dalam masyarakat.

3. Konsep Kesatuan Menurut Quran dan Sunnah

Secara asasnya umat Islam disifatkan sebagai sebuah umat yang satu. Ini berdasarkan firman Allah SWT:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ فَاعْبُدُونِ

Maksudnya: Sesungguhnya ini adalah umat kamu umat yang satu dan Aku adalah tuhan kamu maka beribadahlah (kepada-Ku).

(Surah Al-Anbiya' : 92)

Ibn 'Abbas R.A dan anak-anak muridnya seperti Mujahid dan Sa'id bin Jubair dalam menafsirkan ayat ini mereka berkata: "Agama kamu adalah agama yang satu". Imam Hasan al-Basri pula berkata: "Sunnah kamu adalah sunnah yang satu" (Ibn Kathir, 2007). Syeikh Abd al-Rahman al-Sa'di pula menafsirkan ayat tersebut dengan katanya: Kesemua mereka (iaitu para Rasul) berada di atas agama yang satu, jalan yang satu, serta Tuhan yang satu (As-Sa'di, 2018). Begitu juga terdapat sebuah hadis yang menggambarkan keutuhan dan kekukuhan persaudaraan sesama umat Islam yang diriwayatkan oleh Nu'man bin Basyir bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ وَتَرَاحُمِهِمْ وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ بِالسَّهَرِ وَالْحُمَى

Maksudnya: Perumpamaan golongan yang beriman pada sifat berkasih sayang, saling merahmati, dan saling membantu adalah seperti suatu badan. Apabila ada anggota badan yang sakit, ia menyebabkan keseluruhan tubuh badan tidak dapat tidur dan juga menjadi demam.

حدثنا أبو نعيم حدثنا زكرياء عن عامر قال سمعته يقول سمعت النعمان بن بشير يقول قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ترى المؤمنين في تراحمهم وتوادهم وتعاطفهم كمثل الجسد إذا اشتكى عضو تداعى له سائر جسده بالسهر والحمى

Diriwayatkan dari Abu Nu'aim, dari Zakariya dari 'Amir, dia berkata saya mendengarnya mengatakan, saya mendengar An-Nu'man bin Basyir mengatakan, Rasulullah SAW bersabda, "Kamu lihat orang-orang mukmin dalam kasih sayang, persahabatan, dan simpati mereka seperti tubuh. Jika salah satu anggota mengeluh, seluruh tubuh akan merasakan demam dan kesulitan".

(HR Al-Bukhari No: 5665)

Imam Ibn Hajar Al-Asqalani berkata: Nabi SAW memberikan perumpamaan iman dengan tubuh badan dan ahli iman diumpamakan dengan anggota tubuh. Ini kerana iman adalah asal dan cabangnya adalah taklif-taklif. Sekiranya seseorang itu mengabaikan taklif (tanggungjawab) maka yang demikian itu memberi kerosakan kepada asal (keimanan). Demikian jugalah jasad adalah asal seperti sebatang pokok dan anggota-anggota badan seperti dahan-dahan pokok. Apabila satu anggota terasa sakit maka sakitlah jua keseluruhan badan (Al-Asqalani, 2020).

Merujuk kepada pernyataan diatas, peranan individu amatlah penting dalam membina kesatuan ummah. Namun ia memerlukan manhaj atau kaedah yang tertentu. Manhaj ini dikenali sebagai dakwah. Dakwah bermaksud menyampaikan dan menyeru manusia kepada kebenaran agama terutamanya kebenaran akidah (Qutb, 1964). Dakwah merupakan ikhtiar agar risalah Islam terus sampai tanpa putus dari generasi ke generasi umat Islam, dan usaha dakwah ini merupakan tanggungjawab semua umat Islam selamanya. Firman Allah SWT "Kamu adalah umat terbaik yang

dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah dari yang mungkar dan beriman kepada Allah,” (Ali Imran: 110).

Dakwah kepada kesatuan ummah amatlah dituntut dan menjadi petunjuk asas agama Islam. Tambahan pula, kesatuan ummah penting kerana ia disebut dengan jelas dalam al-Quran. Dalam surah Ali Imran ayat 103, Allah SWT menegaskan bahawa: “Dan berpegang (teguhlah) dengan tali Allah (ajaran Islam) dan janganlah kamu berpecah belah”.

Sebagai umat Islam, kita wajib menyakini bahawa segala perintah Allah SWT adalah untuk kebaikan manusia tersurat dan tersirat. Amanat Allah SWT adalah untuk memberi keselamatan manusia daripada kebinasaan dan kerugian. Dengan kesatuan, ummah akan menjadi kuat untuk menjamin kelangsungan jati diri yang menekankan perpaduan serta pengiktirafan dan menyemai sikap tanggungjawab dalam pelbagai aspek kehidupan.

4. Peranan Individu dalam membentuk Kesatuan Ummah

Membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu dapat dilahirkan daripada keperibadian akhlak seseorang. Keperibadian atau personaliti dalam bahasa Arab disebut sebagai syakhsiyyah. Ia bermaksud sifat yang membezakan seseorang dengan orang yang lain (Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram, 1965). Ia sangat berkait dengan budi pekerti, perangai, tingkah laku (tabiat) dan adat kebiasaan seseorang. Daripada tingkah laku luaran juga, sikap seseorang dapat dikenal pasti. Oleh itu, untuk mewujudkan serta mengukuhkan masyarakat Islam yang teguh dan bersatu padu, peranan individu dalam membentuk keperibadian terpuji amatlah dititik beratkan agar setiap tanggungjawab dapat dipikul dengan penuh integriti dan amanah. Di dalam al-Quran, Allah SWT telah mengakui bahawa kekasih-Nya Rasulullah SAW adalah merupakan contoh teladan yang terbaik untuk diikuti sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ (٢١)

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik.”

Dalam surat Al-Qalam ayat 4, Allah SWT berfirman:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ (٤)

Artinya: “Dan sesungguhnya engkau benar-benar berbudi pekerti yang luhur.”

Diriwayatkan dari Mujahid tentang firman Allah SWT "berbudi pekerti yang luhur", ia berkata, "Yaitu agama." Sementara itu, dari Aisyah ra. ketika ditanya akhlak Rasulullah SAW, ia menjawab, "Akhlag beliau Al Quran."

(HR. Ahmad dan disahihkan oleh Al-Allamah Al-Albani dalam Shahih Al-Jami')

Dengan mengikuti sifat-sifat mahmudah (terpuji) serta menjauhi sifat-sifat mazmumah (terkeji) dapat melahirkan individu muslim yang teguh serta bertanggungjawab dalam memimpin ummah kearah perpaduan dan kesatuan. Allah berfirman dalam surah Al-Baqarah, ayat 30:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً ۗ قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ
وَنُقَدِّسُ لَكَ ۗ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ (٣٠)

Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

Sesuai dengan kejadian manusia itu dicipta sebagai khalifah di bumi, maka Allah yang Maha Pencipta bukan saja mencantikkan kejadian manusia itu, malah menganugerahkan nikmat akal untuk membezakannya daripada makhluk lain. Dengan akal dan berpandukan pula ajaran Islam yang syumul lagi lengkap, maka peranan dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah tentunya besar dan berat. Ia bukan hanya sekadar menyempurnakan tanggungjawab terhadap Penciptanya saja, iaitu Allah, malah bertanggungjawab terhadap hubungannya sesama manusia dan alam sekitar (Yang, 2003).

Dalam pada itu, sebelum seseorang individu mengambil peranan serta menggalas tanggungjawab tersebut, mereka perlu kepada pembangunan elemen utama iaitu pembangunan jasmani, akal, emosi dan kerohanian yang perlu dibangunkan secara serentak dan seimbang. Watak moral yang kuat, dipandu oleh prinsip kejujuran, kebaikan, kesabaran, dan kerendahan hati. Al-Quran dan Hadis juga memberikan banyak pengajaran tentang tingkah laku beretika, menekankan kepentingan kelakuan baik dalam kedua-dua kehidupan peribadi dan perkauman.

5. Peranan Institusi Kekeluargaan dalam membentuk Kesatuan Ummah

Masyarakat yang baik terbentuk daripada institusi keluarga yang harmoni. Seperti yang kita tahu, keluarga adalah salah satu institusi dakwah pertama dalam hidup setiap individu. Keluarga dapat berfungsi dengan baik jika ketua dan setiap ahlinya memainkan peranan serta memahami antara satu sama lain. Pengaruh dalam keluarga amat penting dan perlu diambil cakna terutamanya oleh ibu bapa kerana mereka merupakan contoh teladan utama kepada anak-anak mereka. Tugas ibu bapa selaku penjaga kepada anak-anak bukan sekadar mengasuh dan melindungi mereka, bahkan memberi pendidikan serta menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan anak-anak. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh oleh masyarakat kerana ianya akan memberi impak yang besar kepada sesebuah institusi kekeluargaan dalam membentuk kesatuan ummah.

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوَلَّدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يمجِّسَانِهِ

Maksudnya: Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.

(HR Ahmad No: 14805)

Hadis ini menerangkan bahawa setiap anak itu lahir dalam keadaan fitrahnya yang suci. Ibu bapalah yang membentuk dan mewarnai akhlak dan tingkah laku mereka sedari kecil bahkan juga agama dan corak pemikiran mereka. Dalam Surah At-Tahrim (66:6) ada merakamkan perintah Allah terhadap

orang beriman supaya menjaga dan melindungi bukan sahaja diri mereka sendiri, malah keluarga mereka juga daripada azab api neraka Allah. Hal ini menunjukkan bahawa amat besar tanggungjawab dan peranan ibu bapa dalam mencorakkan akhlak dan fikrah sesebuah keluarga sebelum terjun ke kancan Masyarakat yang pelbagai. Oleh itu, jelaslah bahawa peranan keluarga itu penting dalam melahirkan generasi yang mampu memahami konsep kesatuan ummah yang sebenar. Hal ini termasuk mengajarkan tauhid, ibadah, akhlak yang baik, dan pentingnya persaudaraan dalam Islam.

Surah Luqman (31:13): "Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya:" Wahai anak kesayanganku, janganlah engkau mempersekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

Selanjutnya, keluarga adalah tempat di mana karakter dan etika Islam dibangun. Orang tua harus memastikan bahwa anak-anak mereka memiliki akhlak yang baik, seperti kejujuran, keadilan, dan kebaikan. Ini membentuk individu yang berkontribusi positif terhadap kesatuan ummah.

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ (١٠٤)

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam) dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

(Surah Ali' Imraan : 104)

Dalam ayat ini, dijelaskan bahawa orang yang berjaya adalah mereka yang mengajak orang lain kepada kebaikan (amar makruf) dan mencegah daripada melakukan kejahatan (nahi mungkar). Oleh itu, tugas melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar adalah tanggungjawab bersama mengikut kemampuan dan bidang kuasa masing-masing. Peranan ibu bapa dalam melaksanakan tanggungjawab ini sangat besar kerana asas keharmonian masyarakat dan kemakmuran negara bermula dari rumah. Dengan menghayati tuntutan ini, pastinya akan wujud tindak balas positif dalam masyarakat apabila berlaku perbezaan pandangan atau perselisihan.

6. Peranan Institusi Pendidikan dalam membentuk Kesatuan Ummah

Institusi pendidikan memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk kesatuan ummah melalui penyebaran ilmu dan penghayatan nilai-nilai Islam. Institusi pendidikan perlu menyediakan asas pengetahuan agama dan akhlak yang kukuh melalui ajaran-ajaran Al-Quran dan hadis, serta prinsip-prinsip Islam yang menekankan kepentingan perpaduan dan persaudaraan dalam ummah. Al-Quran dalam Surah Al-Alaq (96:1-5) menyeru manusia untuk membaca dan belajar dengan menyebut nama Tuhan yang menciptakan, menunjukkan betapa pentingnya ilmu sebagai asas kehidupan. Begitu juga di dalam Surah Az-Zumar di mana Allah SWT berfirman :

قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ۗ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ

Katakanlah "Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui" Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran”

(Surah Az-Zumar : 9)

Ayat ini menegaskan bahawa orang yang berilmu lebih tinggi kedudukannya berbanding orang yang tidak berilmu. Pendidikan Islam melalui institusi pendidikan membantu pelajar memahami nilai-nilai akhlak mulia yang berkaitan dengan perpaduan dan persaudaraan yang terkandung dalam ajaran Islam. Imam Al-Ghazali menyebutkan bahawa akhlak mulia dapat dibentuk melalui proses pendidikan akhlak, yaitu usaha untuk mendorong dan membentuk jiwa manusia agar memiliki akhlak yang mulia, yang dilakukan dengan bersungguh-sungguh dan berterusan. Sebagai contoh, seorang pelajar yang ingin mempunyai sifat pemurah perlu melatih dirinya dengan bersungguh-sungguh untuk melakukan perbuatan pemurah, seperti memberikan harta. Kesungguhan ini harus dipaksakan secara berterusan sehingga akhirnya ia mewajibkan dirinya sendiri untuk melakukan perbuatan-perbuatan pemurah tersebut, sehingga sifat pemurah itu menjadi tabiat dan wataknya (Al-Ghazali, 2003). Hal ini menunjukkan pentingnya pendidikan dalam membentuk akhlak dan adab masyarakat, yang secara tidak langsung menyumbang kepada kesatuan ummah.

Seterusnya, institusi pendidikan berfungsi sebagai platform untuk mempromosikan dialog dan interaksi antara pelajar dari pelbagai latar belakang agama dan kaum yang dapat menguatkan ikatan sosial dan mengurangkan prejudis serta salah faham. Aktiviti kokurikulum seperti perbincangan, seminar, dan program komuniti yang melibatkan pelajar daripada berbagai budaya dan etnik menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang elemen kepelbagaian dalam Islam. Ibnu Khaldun menekankan bahawa pendidikan merupakan asas penting bagi sesebuah kemajuan masyarakat dan tamadun. Melaluinya, masyarakat dapat menguasai pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai yang diperlukan untuk membina tamadun yang kukuh. Selain itu, pendidikan juga memainkan peranan penting dalam pembentukan akhlak dan adab, yang amat penting dalam interaksi sosial dan kehidupan bermasyarakat (Ibn Khaldun, 2005). Melalui hubungan interaksi secara meluas yang diaplikasikan oleh institusi pendidikan, pelajar dapat belajar untuk menghargai perbezaan masing-masing dan mencari titik persamaan untuk bekerjasama ke arah kesatuan.

Selain itu, barisan pendidik di institusi pendidikan berperanan sebagai 'model peranan' yang mempamerkan nilai-nilai kesatuan dan persaudaraan dalam kehidupan harian mereka. Peranan guru dalam mendidik ke arah kesatuan adalah sangat penting dalam membentuk karakter pelajar sebagai generasi penerus bangsa (Barutu, 2017). Guru memiliki peranan sebagai pemegang amanah, pemberi teladan, dan mendidik dengan hati untuk membangun motivasi. Melalui teladan dan bimbingan para pendidik ini, pelajar dapat melihat bagaimana prinsip-prinsip kesatuan ummah yang sebenar diterapkan dalam amalan seharian. Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa pendidik yang baik bukan sahaja mengajar ilmu tetapi juga mempamerkan akhlak dan tauladan yang baik kepada pelajarnya. Pendidik yang mengamalkan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian memberi contoh kepada pelajar untuk hidup dalam kesatuan dan harmoni dan konteks yang lebih realistic (Al-Ghazali, 2003).

Di samping itu, institusi pendidikan juga memainkan peranan dalam membina kesedaran sosial dan tanggungjawab terhadap masyarakat luar. Melalui program khidmat masyarakat dan aktiviti sukarela, pelajar dilatih untuk berbakti kepada komuniti dan menyumbang kepada kesejahteraan ummah secara keseluruhan. Pendidikan Islam yang holistik juga merangkumi pembangunan kesedaran sosial dan tanggungjawab terhadap ummah dapat diterapkan melalui program-program yang memupuk semangat khidmat masyarakat dan sukarela. Dengan demikian, institusi pendidikan tidak hanya menyampaikan ilmu pengetahuan tetapi juga membentuk sikap, nilai, dan perilaku yang menyokong kesatuan ummah. Ini membantu melahirkan generasi muda yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga mempunyai komitmen tinggi untuk memperkukuh kesatuan dalam masyarakat khususnya Masyarakat Islam.

7. Peranan Institusi Masjid dalam membentuk Kesatuan Ummah

Institusi masjid berfungsi sebagai pusat pengajaran agama. Kelas-kelas pengajian al-Quran, hadis, fiqh, dan lain-lain ilmu agama harus sering diadakan di masjid bagi membolehkan jemaah mendalami ajaran Islam. Ini dapat membantu memperkukuhkan kefahaman dan penghayatan nilai-nilai Islam yang mendasari konsep kesatuan ummah. Selain itu, masjid adalah tempat utama bagi umat Islam untuk melaksanakan ibadah seperti solat berjemaah, solat Jumaat, solat Tarawih, dan ibadah-ibadah lain. Masjid bukan hanya sebagai tempat ibadah tetapi juga sebagai pusat komuniti yang menjadi nadi utama untuk menyatukan umat Islam. Menunaikan ibadah secara berjemaah mengukuhkan rasa persaudaraan di kalangan umat Islam. Firman Allah :

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Maksudnya : Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat siksa-Nya.

(Surah Al-Maidah : 2)

Selain itu, masjid juga berfungsi sebagai pusat sosial dan komuniti di mana pelbagai aktiviti dianjurkan untuk mengukuhkan hubungan sosial di kalangan umat Islam. Program-program seperti ceramah, forum, seminar, kelas kemahiran, majlis berbuka puasa dan program kebajikan dianjurkan untuk memenuhi keperluan rohani dan jasmani jemaah. Aktiviti-aktiviti ini membina hubungan yang lebih rapat antara ahli komuniti, mengurangkan jurang sosial dan budaya, di samping menggalakkan kerjasama dalam menyelesaikan masalah-masalah bersama. Masjid juga memainkan peranan penting dalam pendidikan dan pembangunan insan. Banyak masjid mengendalikan kelas-kelas tambahan, pusat tuisyen, dan program pendidikan untuk kanak-kanak dan remaja. Ini memastikan generasi muda mendapat pendidikan yang seimbang antara ilmu duniawi dan ukhrawi.

8. Kesimpulan

Kajian ini telah menunjukkan bahawa pemahaman dan penghayatan konsep kesatuan ummah dalam kalangan masyarakat adalah penting untuk membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu, baik dari segi rohani maupun jasmani. Analisis menunjukkan bahawa peranan serta kerjasama dari pelbagai lapisan masyarakat, termasuk individu, institusi kekeluargaan, institusi pendidikan, dan institusi masjid adalah sangat penting. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha yang melibatkan setiap entiti dalam masyarakat adalah amat penting bagi mencapai kesatuan ummah yang diharapkan. Tidak dinafikan pelaksanaan setiap peranan dan tanggungjawab ini adalah tidak mudah dan menuntut komitmen yang tinggi daripada semua pihak. Namun, dengan kerjasama yang berterusan dan istiqamah, kesatuan ummah bukan hanya menjadi impian tetapi realiti yang dapat diwujudkan.

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا ۗ وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا
وَكُنْتُمْ عَلَىٰ شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُم مِّنْهَا ۚ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ (١٠٣)

"Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai-berai."

(Surah Ali 'Imran :103)

Ayat diatas menegaskan kesatuan haruslah dibina tidak lain dan tidak bukan hanya berpaksikan kepada Allah. Allah SWT menyuruh umat-Nya untuk berpegang teguh kepada tali agama-Nya dan jangan sesekali berpecah belah. Individu yang tidak mengendahkan perintah ini pastinya sukar untuk mencapai kesatuan yang diharapkan kerana telah mengabaikan elemen kesatuan yang paling asas iaitu bersatu dalam mentaati perintah Allah. Jika perintah Allah yakni Tuhan sekalian alam ini gagal untuk dilaksanakan, sudah pastilah lebih sukar untuk mentaati arahan manusia lain seperti para ulamak dan pemimpin. Oleh itu, seorang mukmin yang sejati hendaklah sentiasa bermujahadah untuk melaksanakan suruhan Allah dan istiqamah menjalaninya sebagai bukti cintanya terhadap Sang Pencipta.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ حَيَّرَ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَبِي كُلِّ حَيَّرَ أَحْرَصَ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِينَ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Daripada Abu Hurairah RA dia berkata; “Rasulullah SAW bersabda: ‘Mukmin yang kuat lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah SWT daripada Mukmin yang lemah. Pada masing-masing memang terdapat kebaikan. Bersemangatlah melakukan hal yang bermanfaat untukmu dan meminta tolonglah pada Allah, serta janganlah engkau malas (menjadi orang yang lemah). Apabila kamu tertimpa suatu kemalangan, maka janganlah kamu mengatakan; ‘Seandainya tadi aku berbuat begini dan begitu, nescaya tidak akan menjadi begini dan begitu’. Tetapi katakanlah; ‘Ini sudah takdir Allah dan apa yang dikehendaki-Nya pasti akan dilaksanakan-Nya. Dan jauhilah olehmu dari ucapan ‘Seandainya’ (kalau), kerana sesungguhnya ungkapan ‘Seandainya’ (kalau) membuka peluang masuknya syaitan.’” (HR Muslim No: 4816)

Hadis diatas menunjukkan bahwa mukmin yang kuat lebih disukai oleh Allah daripada mukmin yang lemah, memberikan tambahan makna kepada ayat ini. Dalam konteks kesatuan ummah, mukmin yang kuat adalah mereka yang teguh dalam iman mereka, bersatu dengan saudara-saudara seiman mereka, dan aktif dalam memperjuangkan kebaikan. Mereka tidak terpengaruh oleh perpecahan atau perbezaan yang mungkin timbul di antara umat Islam, tetapi mereka berusaha untuk memelihara persatuan dan solidaritas umat. Dengan demikian, hubungan antara ayat tersebut dan hadis tentang mukmin yang kuat sangat berkait rapat dan mengukuhkan hujah bahawa pentingnya elemen kesatuan dalam Islam dan bagaimana kesatuan tersebut menguatkan umat dan mendatangkan keridhaan Allah SWT.

9. Rujukan

- Al-Asqalani, I. H. (7 3, 2020). *Fathul Bari Penjelasan Kitab Shahih Al-Bukhari*. Retrieved from Internet Archive: https://archive.org/details/terjemah-fathul-bari-2_202010/Fathul%20Baari%20jilid%204/mode/2up
- Al-Ghazali. (2003). *Ihya 'Ulumiddin Jilid V terjemahan Moh. Zuhri*. Asy-Syifa: Semarang.
- As-Sa'di, S. (2018). *Kitab Taisir Al-Karim Al-Rahman*. Saudi Arabia: Dar Ibnul Jauzi.

- Barutu, Y. R. (2017). Peran Guru Pendidikan Kewarganegaraan Dalam Membentuk Karakter Siswa. *Jurnal Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 239.
- Ibn Kathir, I. A. (2007). *Kitab Tafsir Al-Quran Al-Azhim*. Beirut: Al-Kitab Al-Ilmi.
- Ibn Khaldun. (2005). *The Muqaddimah - An Introduction to History V Translated Franz Rosenthal*. Princeton University Press.
- Ibn Khaldun. (2005). *The Muqaddimah - An Introduction to History. Translated by Franz Rosenthal*. Princeton University Press.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram. (1965). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir Publishers.
- Qutb, S. (1964). *Ma'alim fi'l-tareeq*. Egypt: Kazi Publications.
- sy-Syifa. (n.d.). *sy-Syifa*.
- Watt, W. M. (1968). *Islamic Political Thought*. Edinburgh University Press.
- Yang, A. B. (18 9, 2003). *Tanggungjawab Manusia sebagai Khalifah di Bumi Besar, Berat*. Retrieved from Institut Kefahaman Islam Malaysia: <http://www.ikim.gov.my/>